

PENTAD BIRAN: KITA MAHU SATU TAHAP YG LEBIH TINGGI

BM - 5 SEP 1964

SOALAN: Hal yang ingin saya tanyakan ini sudah biasa saja, tetapi penting: Sebenarnya, apakah yang Datuk berikan penekanan dalam konsep cekap, bersih dan amanah?

PERDANA MENTERI:

"Dalam pentadbiran, konsep bersih, cekap dan amanah ini perlu untuk faedah negara. Tapi, dalam perniagaan pun, kalau kita semua jujur, bersih, cekap dalam perniagaan, maka perniagaan kita juga akan berjaya.

"Kalau kita berjaya, maka negara akan berjaya juga.

"Kerajaan kita dapat hasil lebih banyak, rakyat akan dapat banyak peluang pekerjaan, orang akan hidup lebih selamat dari tekanan kemiskinan dan sebagainya.

"Memang bersih, cekap dan amanah inilah nilai-nilai yang baik dalam kehidupan manusia. Itulah yang kita kehendaki.

SOALAN: Adakah cara lain Datuk melihat kebaikan konsep tersebut?

masyarakat akan rugi, negara akan rugi.

Sebuah negara di Timur ini, tanah jajahan Inggeris, dulunya memang maju sekali dalam bidang perniagaan. Tetapi, akhir-akhir ini, terdapat banyak barang tiruan yang dijual dengan menggunakan label barang-barang baik. Akibatnya ialah sekarang orang tidak lagi percaya barang-barang yang dibeli di negara itu dan perniagaannya merosot. Pelancong tidak mahu lagi datang ke situ dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa kalau kita buat benda yang tak baik itu, memang akibatnya tak baik. Kalau kita buat benda yang baik, walaupun kita jual mahal sedikit, barang kita dijamin baik. Segala perniagaan akan maju.

Sebelum perang dulu, barang Jepun terkenal sebagai barang yang berkualiti rendah. Kata saja barang Jepun, orang tak beli. Kalau orang beli pun dengan anggapan barang ini tak tahan lama.

Tetapi, selepas perang, Jepun telah sedar

mat, ataupun dengan rela hati ingin memberi tempat kepada orang lain.

Kita tidak dapat menentukan orang-orang yang disyaki tidak bersih ini, betul-betul tak bersih, sebenarnya. Tuduhan yang dibuat tidak mempunyai bukti yang jelas. Adalah suatu ketidakadilan bagi kita melayani tuduhan dan tohmah orang yang memutuskan bahawa si anu si anu itu tidak bersih.

Saya mahu keterangan yang jelas, baru saya boleh ambil tindakan. Kalau tidak, kita akan menganiaya orang lain. Tetapi, kalau orang boleh beri keterangan kepada saya, saya tidak segan-segan nak ambil tindakan. Tetapi, saya tak mahu aniayakan sesiapa dengan melayani orang yang kerap mempunyai kepentingan sendiri.

Jadi, janganlah kita kata orang yang dipilih itu tidak bersih. Tolong beri keterangan yang jelas, jangan hanya menuduh kerana ini menganiayakan orang.

dengan tahapnya. Hasrat saya ialah untuk meningkatkannya. Dan kalau pun kita capai suatu tahap yang lebih tinggi, saya akan berpendapat bahawa tahap ini pun tidak memuaskan lagi.

Saya berterima kasih kalau pentadbiran selepas saya, membuat anggapan seperti sedemikian dan saya tidak harus marah.

Tuhan saja yang boleh mencapai sesuatu dengan sempurna. Manusia tak boleh. Manusia mesti ada cacatnya. Namun, kita mesti berusaha ke arah pencapaian sempurna. Inilah yang kita cuba sekarang.

SOALAN: Akhir-akhir ini, Datuk selalu pula mengingatkan kita supaya bersama menebus kembali maruah bangsa dan negara. Apakah memadai dengan menerusi konsep cekap, bersih dan amanah ini, atau ada hal-hal lain yang diperlukan? Misalnya, konsep berani, rajin, tegas dan cinta pada negara dan bangsa?

PERDANA MENTERI:

Saya fikir, tak ada manusia yang ingin

kita miskin.

Kalau orang menghina kita kerana kita ini bodoh, tidak cekap, tidak pandai, maka kita harus mengatasi kelemahan ilmu yang ada pada kita. Kita mestilah sanggup tekun belajar sehingga kita menguasai segalanya.

Kalau kita lemah dalam segi ketenteraan, maka kita perlu memperkembangkan kekuatan kita. Dan kita perlu menghadapi segala cabaran walaupun membawa maut.

Jadi, ini adalah tindakan dan tindakan ini boleh kita ambil kalau kita memutuskan untuk bertindak.

Satu sebab kita gagal ialah kerana kita kurang rajin. Apa susahannya nak mengatasi masalah malasnya? Kalau kita malas pergi kerja, dan kita sekarang tahu perbuatan itu tak baik, maka kita patut jangan malas pergi kerja. Apabila kita sampai ke tempat kerja, bukan saja kita ada cukup masa, tetapi betul-betul bekerja dengan kuat dan menentukan supaya dalam proses itu, kita mendapat segala kecukupan dan

01

02

PERDANA MENTERI:

Semua nilai yang baik memang perlu untuk sesuatu masyarakat. Kalau sesuatu itu dikatakan baik, ia menjadi baik — bersih, cekap, amanah, adil, berani, kebenaran. Dalam mana masyarakat manusia pun, ada perkara-perkara itu yang dianggap baik.

Umpamanya, rajin itu dianggap baik, tidak malas itu dianggap tidak baik; adil itu dianggap baik, tidak adil dianggap tidak baik.

Dalam masyarakat, kita amalkan yang baik, maka baiklah masyarakat itu. Kalau kita amalkan perkara-perkara yang tidak baik, masyarakat itu tidak akan jadi baik.

Umpamanya, dalam bidang perniagaan, kita amalkan perniagaan secara menipu, mungkin kita akan untung, tetapi keuntungan itu adalah sementara saja dan akhirnya kita akan kerugian.

Begitu juga kalau kita meniru menggunakan label barang-barang terkenal untuk menjual barang ini dengan harga yang mahal. Kita mungkin dapat untung, tetapi akibatnya ialah orang tidak lagi percaya pada barang-barang ini. Akibatnya ialah perniagaan akan beransur-ansur merosot.

Merosotnya perniagaan bermakna peniaga akan rugi, pekerjaannya akan rugi,

kesalahan mereka dan sekarang mereka telah menumpukan perhatian kepada kualiti barang-barang mereka. Sekarang orang membeli barang Jepun tanpa menyoal sama ada baik atau tidak baik. Sebab itu perniagaan Jepun sekarang meningkat pesat.

Ini menunjukkan perbuatan yang baik akan dapat kebaikan.

Itu sebabnya kita patut cekap, bersih dan amanah. Bukanlah bermakna bahawa tiga ini saja yang cukup. Semua yang dianggap baik oleh masyarakat hendaklah diamalkannya.

SOALAN: Bertolak dari konsep tersebut, mari kita hubungkan dengan sungutan beberapa pihak terhadap perlantikan anggota kabinet dan pemimpin lain. Menujut mereka, pemimpin dulu bukannya semua bersih, atau cekap atau amanah, tetapi masih kini dilantik memegang jawatan yang penting-penting. Apa komen Datuk?

PERDANA MENTERI:

Memang mudah kita menyangka orang itu bersih, orang ini tak bersih. Atau kita sangka orang yang disingkir itu tidak bersih.

Sebenarnya, orang yang dipilih sebagai calon bukan kerana dia tak bersih, tetapi kerana sebab-sebab lain: Umpamanya, dia sudah lama berkhid-

SOALAN: Telah 25 tahun kita merdeka. Bagaimana Datuk melihat pelaksanaan konsep cekap, bersih dan amanah, terutama dalam segi pentadbiran?

PERDANA MENTERI:

Umumnya, kita boleh katakan pentadbiran negara kita lebih bersih daripada pentadbiran beberapa negara lain. Keadaan bersih tak bersih ini adalah keadaan yang relatif, bukan absolute. Kita tak boleh kata bersih yang bermakna tidak ada kotor sama sekali. Kita cuma boleh kata bersih berbanding dengan keadaan di tempat lain ataupun di masa lain.

Di Malaysia, apa yang kita buat sekarang ialah meningkatkan standard yang kita kehendaki untuk negara kita. Kita tidak lagi berpuas hati dengan standard ataupun tahap yang telah dicapai dulu.

Kita hendak satu tahap yang lebih tinggi. Dalam hubungan ini, terpaksa lah kita berkata bahawa tahap yang ada sekarang tidak memuaskan.

SOALAN: Maknanya, Datuk tidak puas hati dengan pencapaian pentadbiran lepas. Begitukah?

PERDANA MENTERI:

Pentadbiran lama mungkin berpuas hati

akhirnya dapat meningkatkan kebolehan kita sehingga kita mencapai satu taraf kemajuan lain.

Kalau kita kurang berani nak melawan sesuatu, kita patut mengeraskan semangat kita secara benar, bukan tumpang. Secara tumpang ini, misalnya, cari bomoh beri kuat semangat ataupun badan diubah jadi kebal. Itu bukan orang yang berani, itu orang yang penakut.

Orang berani ialah orang yang tahu kalau dia melawan, mungkin dcederakan, mungkin dibunuh. Tetapi, walaupun dia cedera, walaupun akan dibunuh, dia akan terus juga mara. Itu orang yang berani.

Jadi, berani juga adalah seperkara yang boleh dilatih. Umpamanya, budak daripada kampung. Kalau kita bawa dia naik kapal terbang, kita bagi dia pakai payung terjun, suruh dia terjun, dia tak mahu. Matilah, katanya walaupun dia ada payung terjun.

Tetapi, kalau dia memasuki tentera, tentera boleh latih budak kampung begitu, dan dalam dua minggu, dia akan terjun dari kapal terbang tanpa takut mati. Ini menunjukkan latihan boleh mengatasi masalah takut, masalah tak berani.

Begitu juga orang yang berperang dalam tentera adalah orang biasa macam you, macam I juga. Dia sanggup masuk

dirinya dihina, dipandang rendah, dipijak-pijak, diejek-ejek oleh orang lain. Kita tak hendak diri kita dijajah oleh sesiapa, sama ada penajajahan itu secara fizikal ataupun secara mental.

Kalau boleh, kita hendak orang menghormati kita, ataupun sekurang-kurangnya, orang menganggap kita sebagai sama taraf, tak dipandang rendah. Selama ini, kita kerap kali cuma mengeluh tentang kedudukan kita, kita mengeluh tentang nasib buruk kita, tentang orang memandang rendah kepada kita, menghina-hinakan kita. Kita mengeluh kerana kita lemah dan kita selalu dipermainkan orang. Kita kalah dalam kerja apa saja kita ceburi. Kita mengeluh lagi.

Jadi, bagi saya, mengeluh ini tak berguna, melainkan ada tindakan. Tindakan diri sendiri untuk mencapai satu taraf supaya orang lain tidak boleh menghina kita. Kalau kita sedar tentang ini, tentulah kita akan memikirkan apakah yang perlu kita buat untuk mencapai taraf ini.

Kalau kita anggap kita ini miskin dan dihina orang, tak guna kita pergi minta sedekah nak jadi kaya. Kerana, cuma orang-orang yang miskin yang perlukan sedekah. Kita mesti cari kekayaan secara yang halal supaya orang lain tidak akan hinakan kita kerana

hutan melawan komunis, mati kena tembak, putus kaki semua, dia berani kerana latihan. Jadi, kita kena sanggup rajin dilatih, rajin berlatih. Jadi, semua ini kita boleh atasi.

SOALAN: Bolehkah Datuk jelaskan di manakah letaknya keberkesanan konsep cekap, bersih dan amanah ini dalam hubungannya dengan situasi negara sekarang dan masa depan?

PERDANA MENTERI:

Saya yakin bahawa sedikit demi sedikit kita dapat membentuk

satu pentadbiran, satu bangsa yang berhemah tinggi yang mempunyai nilai-nilai moral, dan dengan kerana itu, akan berjaya. Tapi, ini sebagai permulaan saja. Kita buat sekarang ini sepertimana yang saya katakan, memakan masa.

Jadi, kita mestilah kukuh semangat. tabah hati, kerana kalau kita mudah kecewa, maka kita tidak mencapai matlamat.

Dalam tahun-tahun 80-an, 90-an, ini adalah proses kita membentuk satu sikap yang baru. Kita percaya, dengan sikap ini, kita akan dapat mencapai matlamat kita. ■